

# Pacat bersarang dalam hidung 3 minggu

» Pembantu akaun syak parasit ‘masuk’ ketika mandi di air terjun

Oleh Ifwan Tun Tuah  
ifwan@bh.com.my

## Nilai

**S**orang pembantu akaun, tidak menyangka seekor pacat mengikutnya pulang dari Gunung Nuang, Hulu Langat ke sini, dan mendiami rongga hidungnya selama tiga minggu, sebelum keluar bersama lendir hingus dan darah.


Ibu kepada empat anak, Hana Noriza Mohd Saleh, 28, mengesyaki parasit sepanjang dua sentimeter itu, memasuki hidungnya tanpa disedari ketika mendaki gunung setinggi 1,493 meter terbatas bersama suaminya, Kilau Kadir, 31, pada 16 September lalu.

“Saya tidak tahu bila dan bagaimana pacat masuk ke dalam hidung, tapi pasti ia berlaku ketika mendaki Gunung Nuang, kerana selepas itu tidak pernah memasuki kawasan hutan lain.

### Masuk ketika mandi

“Ketika pendakian tempoh hari, saya sedar ada pacat naik ke tangan, tetapi sempat membuatnya. Mungkin pacat lain masuk ketika mandi atau berehat di kawasan Air Terjun Chemperoh pada laluan pendakian gunung itu,” katanya ketika ditemui BH.

Hana Noriza mengakui kebanyakannya pendaki juga berdepan gangguan pacat hingga satu lo-



Hana Noriza menunjukkan imbasan x-ray hidungnya yang dimasuki pacat di Nilai, semalam.

[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]

kasi pendakian di gunung berkenaan dikenali sebagai Kem Pacat.

Katanya, sejak pulang dari gunung terbatas, hidungnya kerap mengalami pendarahan tetapi beliau menyangka kejadian itu disebabkan badannya yang panas.

Beliau berkata, keadaannya semakin teruk sehingga mendapat kahak yang dikeluarkan turut berdarah pada 6 Oktober lalu. Dia kemudian mengamalkan memi-

num minyak zaitun yang menyebabkan darah pada bahagian dalam hidung berkurangan.

“Dua hari kemudian, satu objek kelihatan seperti lendir darah keluar ketika menghembus hidung dengan kuat. Saya menuang air pada objek itu dan terkejut melihat ia bergerak sebelum mendapati itu sebenarnya seekor pacat,” katanya yang mendapatkan rawatan susulan di Unit Telinga, Hidung dan Tekak (ENT) Hospital Tuanku Ja’afar (HTJS) di sini.

### Ujian x-ray

Susulan kejadian itu, doktor melakukan pemeriksaan menggunakan kamera skop dan ujian sinar-X bagi memeriksa saluran pernafasan dan rongga hidungnya.

Hana berkata, penjelasan doktor itu meredakan kebimbangananya yang sebelum ini khuatir pacat terbatas mungkin membikar dalam tubuhnya.

Pengarah HTJS, Dr Ariffin Mohamad, mengesahkan wanita itu diberi rawatan selepas pacat ter-

## INFO

◎ 12 Mei 2012: Murid Tahun Satu Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Chengal, Ketereh, mengalami pendarahan selepas lintah memasuki dubur ketika menangkap ikan di paya.

◎ 9 Jun 2014: Murid Tahun Enam SK Seri Bandi 1, Chukai, mengalami pendarahan apabila dua lintah memasuki duburnya ketika mandi di kolam berhampiran sekolah.

◎ 30 Disember 2013: Budak 12 tahun sempat membuat lintah yang hampir memasuki duburnya ketika mandi di tali air di Kampung Alor Setanggok, Bagan Serai.

babit keluar daripada hidungnya.

Sementara itu, Pakar Ekologi Hidupan Liar yang juga Ketua Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata kejadian pacat memasuki tubuh manusia amat terpencil.

Mengulas kejadian menimpa wanita itu, beliau berkata, pacat terbatas mampu hidup di dalam tubuh mangsa kerana berada dalam hidung iaitu ruang yang berongga.

“Jika pacat itu memasuki saluran pernafasan atau kerongkong, pasti kehadirannya disedari lebih awal. Malah, parasit itu akan mati jika memasuki usus kerana kehadiran pelbagai jenis enzim dan asid,” katanya.

Beliau berkata, sifat pacat yang selalunya berada di atas rumput atau daun pokok, menghisap darah untuk hidup, justeru manusia menjadi antara sasarannya, namun kebiasaannya ia menjatuhkan diri selepas kenyang.